



<b>KERATAN AKHBAR</b>
-----------------------

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	5/1/2020	MUKA SURAT : 19
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

### Anak buaya berhampiran IOI Mall


**SHAH ALAM** - Orang ramai di sekitar IOI Mall di Puchong dekat sini gempar seketika apabila seekor anak buaya ditemui di parit moonsun berhampiran pusat beli-belah tersebut.

Kejadian itu tular di laman sosial semalam.

Video berdurasi 16 saat itu memaparkan seekor binatang dipercayai buaya yang bersaiz kecil.

Netizen berharap merakam video tersebut serta individu yang melihat kejadian itu segera melaporkan kes itu kepada pihak berkuasa.

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Hafisham Mohd Noor berkata, pihak belum menerima laporan kejadian tersebut.



Suasana di sekitar IOI Mall Puchong gempar seketika apabila seekor anak buaya ditemui di parit moonsun berhampiran gedung beli-belah tersebut.